

KL jemput pakar dunia ramal cuaca

Oleh Azman Zakaria
dan Ifwan Tun Tuah

KUALA LUMPUR: Malaysia akan memanggil pakar dunia dan serantau untuk membuat unjuran keadaan cuaca negara ini bagi tempoh enam bulan akan datang, berikutan gabungan pemanasan global dan fenomena El-Nino.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis, berkata arahan memanggil pakar itu dibuat Kabinet pada mesyuarat Rabu lalu, supaya tindakan sewajarnya diambil dalam menghadapi cuaca itu.

"Kabinet mengarahkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Sumber Asli dan

Alam Sekitar memanggil pakar dunia dan serantau bagi membincangkan perkara ini, seterusnya membuat unjuran bagi enam bulan akan datang.

"Berdasarkan unjuran itu, Jawatankuasa Bencana Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan membuat keputusan berkaitan persediaan yang perlu dilakukan," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar melawat Pameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Dr Jamaludin berkata, pakar itu akan dipanggil secepat mungkin bagi meneliti dan membuat unjuran berkenaan.

Katanya, unjuran itu akan menentukan sama ada keadaan cuaca yang dikatakan luar biasa itu akan juga membawa kepada berlakunya kebakaran hutan.

"Kita hendak mengetahui sama ada benar musim panas itu luar biasa seperti keadaan banjir luar biasa di Johor baru-baru ini," katanya.

Awal bulan lalu, pakar cuaca Britain, Profesor Phil Jones memberi amaran dunia bakal berdepan ancaman cuaca buruk, termasuk keadaan paling panas akibat gabungan pemanasan global dan fenomena El-Nino, tahun ini.

Malah, cuaca panas itu bakal mengatasi rekod 1998 - tahun paling panas pernah dicatatkan.

Sebelum ini, Pertubuhan Kaji Cua-

BH- 11/2/2007

ca Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (WMO) mengeluarkan amaran yang El-Nino sudah terbentuk di Lembangan Pasifik dan bakal membawa cuaca buruk dari benua Amerika ke Asia dan Afrika Timur bagi sekurang-kurangnya empat bulan pertama 2007.

Kali terakhir El-Nino berlaku ialah pada 1997 dan 1998 yang menyebabkan lebih 2,000 kematian dan kerugian mencecah lebih RM140 bilion.

Jones berkata, El-Nino menjadikan dunia lebih panas yang menyaksikan aliran peningkatan suhu dunia sebanyak 1 hingga 2 darjah Celsius setiap dekad.

Dr Jamaludin berkata, peningkatan suhu itu membawa kesan dan impak besar, termasuk di negara ini yang memerlukan kajian dan unjuran dijalankan secara teliti.

FAKTA NOMBOR

El-Nino 1997 dan 1998

2,000

Kematian

RM140b

Kerugian

Katanya, beliau bersama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid akan membentangkan unjuran itu kepada Kabinet untuk tindakan seterusnya, termasuk persediaan yang perlu dilaksanakan.

Kelmarin, Najib berkata, jika perlu, pihaknya akan memanggil mesyuarat khas dengan semua kerajaan negeri untuk mencari jalan mengatasi masalah yang berpunca daripada cuaca panas berterusan yang kini melanda negara berikutan fenomena El-Nino.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah, berkata krisis bekalan air akibat kesan fenomena El-Nino dijangka tidak seteruk kejadian 10 tahun lalu kerana paras air sungai seluruh negara ketika ini lebih tinggi daripada paras sungai pada waktu yang sama pada 1997.

Bercakap pada Majlis Prapelancaan Projek Pembinaan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (Smart), di sini semalam, beliau berkata, paras air semua empangan seluruh negara dijangka cukup untuk membekalkan air bagi kegunaan harian dalam tempoh tiga bulan selepas bekalan air sungai susut jika berlaku fenomena El-Nino seperti yang diramalkan pakar cuaca.

Katanya, JPS memandang serius kesan kemarau akibat El-Nino yang dijangka bermula bulan depan dan berusaha mengelakkan krisis bekalan air berulang.